



## MEMORANDUM

No. Rujukan : QHSE / 2019 / 21

Kepada : Semua Kakitangan Kumpulan EPIC dan Penghuni Kemaman Supply Base

Daripada : Pengurus QHSE, PBKSB

Tarikh : 23hb Jun 2019

Perkara : Arahan Larangan Merokok di Bangunan Pentadbiran KSB

---

Selaras dengan penguatkuasaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018 dan usaha kerajaan untuk memastikan rakyat dilindungi daripada asap rokok, pihak kami telah mengambil tindakan untuk membuat penetapan semula kawasan larangan serta zon yang dibenarkan merokok di bangunan pentadbiran Kemaman Supply Base (KSB).

Zon Larangan Merokok yang telah ditetapkan adalah di dalam Bangunan Pentadbiran A, Bangunan Pentadbiran B, Bangunan Pentadbiran C dan Bangunan Pentadbiran D serta dalam jarak 3meter dari bangunan. Sehubungan dengan itu, kawasan yang sebelum ini digazetkan sebagai Zon Merokok adalah terbatal serta-merta.

Zon merokok yang baru yang ditetapkan adalah seperti berikut: -

- 1) Kawasan rehat berbangku di antara Bangunan Pentadbiran B dan Café EPIC
- 2) Di antara Bangunan Pentadbiran C dan *pump house*
- 3) Di kawasan berbangku bersebelahan Bangunan Pentadbiran D

Menurut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, kegagalan mematuhi bagi kesalahan merokok di suatu tempat yang dilarang adalah denda minimum RM 250.00 dan denda maksimum RM 500.00. Sabit kesalahan oleh mahkamah, boleh dedenda tidak melebihi RM 10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Tuan/puan dinasihatkan supaya berwaspada dengan tanda amaran 'Dilarang Merokok' dan 'Zon Merokok' serta membantu kami dalam usaha menguatkuasakan peraturan larangan merokok di kawasan Kemaman Supply Base.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN  
SDN.BHD. (69363-D)

(HAZMAN IKHWAN MOHAMAD SABRI)  
PENGURUS QHSE

